

Petronas edar 500,000 Jalur Gemilang seluruh negara

UM-16/08/03

KUALA LUMPUR 15 Ogos – Petronas akan mengedarkan sebanyak 500,000 Jalur Gemilang di stesen minyaknya di seluruh negara esok sempena kempen 'Sambutan Kemerdekaan Ke-46 bersama Petronas' yang dilancarkan di KLCC di sini, hari ini.

Upacara kempen tersebut dirasmikan oleh Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin yang bertujuan menyemarakkan semangat patriotik di kalangan masyarakat tempatan.

Selain itu, Petronas menyumbang sebanyak RM2 juta kepada Majlis Paralimpik Malaysia yang mengedarkan Jalur Gemilang sebagai usaha syarikat itu membantu majlis berkenaan dalam pelbagai aktiviti berkaitan.

Program berkenaan dijangka akan dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor di Dataran Merdeka.

Seramai 500 penunggang motosikal akan bergerak secara konvoi ke seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

Program tersebut akan berakhir pada sambutan hari Kebangsaan yang mana menyerahkan Jalur Gemilang kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menjelang malam 31 Ogos, satu konsert besar-besaran akan diadakan di KLCC melibatkan artis-artis terkenal tanah air yang membuat persembahan pada konsert tersebut.

Konsert berkenaan merupakan anjuran bersama Petronas, KLCC dan Astro serta penaja bersama ExxonMobil bagi membuktikan kesungguhan sektor swasta untuk bersama rakyat menghayati erti kemerdekaan.

Antara artis yang terlibat ialah Siti Nurhaliza, Melly Goeslow, Ella dan Jamal Abdillah.

Tidak ketinggalan pelajar-pelajar Akademi Fantasia yang akan menghiburkan para pengunjung pada konsert tersebut.